

Nasib pesakit kanser peti suara dapat perhatian POKB

TUMPAT 24 Mac - Kasih mendalam terhadap ibu, mendorong empat beradik bergilir-gilir menjaganya yang terlantar disebabkan kanser peti suara sejak lebih tiga tahun lalu.

Anak ketiga daripada empat beradik itu, Koh Li Yeng, 56, berkata, mereka harus sentiasa berada di sisi ibunya, Mek Keping Eh Put, 80, kerana warga emas tersebut memerlukan penjagaan rapi.

"Ibu memerlukan penjagaan yang rapi dan kami berempat perlu menumpukan sepenuh masa untuk menjaga keperluan seperti menyuap susu sebagai pengganti makanan dan minuman selain menukar lampin pakai buang setiap hari.

"Oleh itu, kami adik-beradik perlu menjalankan tanggungjawab itu secara bergilir-gilir," katanya kepada pemberita ketika ditemui di rumahnya di Kampung Kutan Hilir,

di sini semalam.

Walaupun hidup serba kekurangan, Li Yeng berkata, dia bersama adik-beradiknya, Koh Eng, 62; Koh Han, 61, dan Koh Chin Wee, 48, akan berusaha menampung kos rawatan ibu mereka.

"Sebelum ini, kami mendapatkan rawatan di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), namun setelah ibu mengalami lumpuh seluruh badan, rawatan dilakukan di rumah sahaja.

"Setiap bulan, kami perlu berbelanja kira-kira RM1,000 untuk membeli bekalan ubat di HRPZ II termasuk kelengkapan dan segala kos menyara ibu dengan bergantung kepada pendapatan kami sebagai buruh," katanya.

Penderitaan mereka mendapat perhatian daripada Persatuan Orang Kota Bharu (POKB) melalui Tabung Kasih

Kanser OKB yang sempat menziarah dan menyampaikan sumbangan kelengkapan berjumlah RM2,000.

Sumbangan berkenaan disampaikan oleh Presiden POKB, Datuk Sheikh Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah HRPZ II, Dr. Selasawati Ghazali dan Pengarah Pusat Sumber dan Penyelidikan Kanser Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Latiffah Abdul Latif.

Sementara itu, Sheikh Ahmad Dusuki berkata, pihak POKB sentiasa berusaha membantu semua pesakit kanser di negeri ini tanpa mengira kaum.

"Ini adalah program kunjungan pertama dan menjadi harapan kita untuk meneruskan lagi aktiviti seperti ini pada masa akan datang agar dapat meringankan beban pesakit kanser," katanya.



SHEIKH Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada Koh Li Yeng ketika melawat Mek Kebing Eh Put yang terlantar sakit akibat kanser peti suara di Tumpat, Kelantan, kelmarin.